



Hakisan tebing Sungai Golok menyebabkan berlaku banjir.

[GAMBAR HIASAN]

RM100j bina benteng atasi hakisan tebing Sungai Golok

? Hakisan di tebing Sungai Golok semakin membimbangkan kerana ia boleh mengakibatkan banjir dan tanah runtuh di kawasan penempatan kami. Bilakah benteng akan dibina bagi mengatasi masalah ini.

Ghazali Bujang
Pasir Puteh, Kelantan

! Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM100 juta untuk membina benteng bagi mengatasi hakisan di Sungai Golok yang menjadi sempadan antara Kelantan dan

Thailand. Projek itu akan dilaksanakan September ini di kawasan dikenal pasti mudah mengalami hakisan.

Pelaksanaannya akan dilakukan secara berperingkat dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun. Apabila siap kelak, benteng itu akan menstabilkan pengaliran air sungai berkenaan ke Laut China Selatan, sekali gus dapat mengurangkan ancaman banjir setiap kali musim tengkujuh.

Mat Rahim Ismail
Pengarah,
Jabatan Pengairan dan
Saliran Kelantan